

Tuanku Muhriz syukur N. Sembilan ke Fasa 3

Baginda zahir rasa sukacita semua pihak kerja keras mendepani pandemik Covid-19

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir melafazkan rasa sukacita baginda dan bersyukur di atas kejayaan Negeri Sembilan beralih kepada Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara bermula Sabtu.

Baginda bertitah, kejayaan peralihan fasa ini adalah disebabkan iltizam dan kesepakatan semua pihak yang telah bekerja keras mendepani pandemik Covid-19 ini.

Tuanku Muhriz bertitah, berdasarkan program kesedaran yang berkesan dan pelaksanaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang menyeluruh, baginda bersyukur jumlah rakyat Negeri Sembilan dewasa yang telah menerima vaksinasi lengkap dua dos telah melebihi 80 peratus.

“Kini Negeri Sembilan juga telah mencapai imuniti kelompok (herd immunity) seperti yang kita sasarkan. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan ke-



Aminuddin Harun menyerahkan titah ucapan Tuanku Muhriz pada Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Keempat DUN Negeri Sembilan ke-14, Seremban, pada Jumaat.

SIDANG DUN N.SEMBILAN

pada semua pihak sama ada jabatan, agensi, mahu pun sukarelawan yang telah bersungguh-sungguh menyumbang masa dan tenaga dalam merealisasikan matlamat Program Imunisasi Covid-19.

“Marilah kita sama-sama berdoa dan berusaha agar dugaan ini segera berakhir dan negeri yang kita kasihi ini terus dilimpahi kemajuan serta kemakmuran yang akan dinikmati oleh sekalian rakyat tanpa dibatasi sempadan kaum, bangsa, agama dan politik.

“Oleh itu, sama-samalah kita prihatin dan membantu mengurangkan beban mereka dengan terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti yang telah ditetapkan dalam usaha memutuskan penularan pandemik Covid-19,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika Persidangan Pertama

(Perasmian) Penggal Keempat Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan ke-14 di sini pada Jumaat.

Sebelum itu, keberangkatan tiba baginda pada jam 10 pagi, diiringi Speaker DUN, Datuk Zulkefly Mohamad Omar, dan disambut Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Dalam pada itu, Tuanku Muhriz turut bertitah, selain dugaan pandemik Covid-19, negara juga telah mengalami beberapa cabaran dan situasi yang memberikan kesan kepada kestabilan politik dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi, sehingga meresahkan rakyat.

“Sehubungan itu, beta berharap semua pihak di dalam dewan ini mengambil iktibar dan teladan daripada peristiwa yang telah berlaku di sekeliling kita.

“Semua ahli dewan hendaklah mematuhi matlamat dan amanah yang dipertanggungjawabkan,” titah baginda lagi.